

## **BAB 2**

### **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan membicarakan kajian kepustakaan berkenaan tajuk disertasi ini, iaitu penggunaan bahasa Jawa di dua buah kampung yang terletak di Daerah Batu Pahat di Negeri Johor Darul Takzim. Topik yang dibentangkan ialah huraian tentang kajian etnolinguistik, kajian etnografi, kaedah yang digunakan untuk penyelidikan ini, iaitu kaedah penyelidikan huluan (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) serta mengemukakan dua teori sebagai konsep kerangka teori bagi menggambarkan pendekatan yang digunakan untuk kajian ini. Selain itu, bab ini juga akan membentangkan tentang asal usul bahasa Jawa, aksara dan tatatingkat bahasanya serta berkenaan fenomena penggunaan bahasa. Turut dipaparkan ialah adat resam dan penggunaan istilah-istilah tertentu dalam bahasa Jawa serta berkenaan sistem kepercayaan dan pantang larang di kawasan kajian.

#### **2.2 Kajian Etnolinguistik**

Etnolinguistik bermaksud cabang linguistik antropologi yang mengkaji sikap penutur terhadap bahasanya, khususnya bentuk yang digunakan untuk mewujudkan keakraban dan prestij (*Kamus Linguistik*, 1997). Etnolinguistik juga adalah satu kajian yang menghuraikan kajian berkenaan etnik dalam lingkungan disiplin antropologi linguistik yang merentasi sempadan budaya komunikasi. Ringkasnya etnolinguistik bermaksud kajian saintifik berkenaan bahasa dan budaya serta sikap penutur terhadap bahasa yang dituturkannya. Kajian etnolinguistik ini juga digunakan untuk mendapatkan gambaran akan

perbezaan yang wujud dalam penggunaan bahasa oleh penuturnya yang berlainan etnik. Nama besar dalam bidang etnolinguistik ini antaranya ialah Benjamin Lee Whorf dan Edward Sapir, Lydia Cabrera, dan Wilhelm, baron von Humboldt.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987:246), Benjamin Lee Whorf menerusi kajian mendalamnya tentang bahasa Hopi (*Indian*) di California telah melahirkan satu *teori relativiti linguistik* yang dikenal dengan nama *hipotesis Whorf* atau *hipotesis Sapir-Whorf*. Menurut hipotesis ini, pengamat atau penyelidik tidaklah dibimbing oleh bukti fizik yang sama untuk mendapatkan gambaran hidup yang sama, kecuali latar belakang linguistik mereka sama, atau dapat diselaraskan dengan sesuatu cara. Bahasa yang berbeza-beza membedah alam ini dengan cara yang berlainan, sehingga terciptalah satu relativiti sistem-sistem konsep tergantung pada bahasa yang beragam-ragam itu. Dengan sebab itu menurut hipotesis ini, tatabahasa sesuatu bahasa itu bukanlah hanya merupakan alat pengeluaran untuk menyuarakan idea-idea, tetapi merupakan pembentuk idea-idea itu sendiri. Dengan kata lain, *hipotesis Sapir-Whorf* ini menyatakan bahawa bahasa mencerminkan cara pandang penutur terhadap dunia luarnya. Pola kebahasaan seseorang akan menentukan cara pandang orang itu dalam mendeskripsikan tentang dunia, kehidupan dan realiti sosialnya (via Baihaqi (2008:1) dalam Noriah Mohamed, 2009:10).

***Kamus Linguistik*** (1997) mencatatkan bahawa linguistik antropologi (*linguistic anthropology*) yang dikaitkan dalam definisi etnolinguistik itu pula bermaksud cabang linguistik yang mengkaji kelainan bahasa dan penggunaannya berhubung dengan pola kebudayaan dan kepercayaan manusia dengan menggunakan teori dan kaedah antropologi.

Bidang ini amat menitikberatkan soal linguistik deskriptif yang menumpu kepada bentuk-bentuk bahasa yang digunakan termasuklah fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan tatabahasa.

Ciri-ciri yang dipaparkan di atas amat sesuai dengan kajian ini yang memberi fokus kepada penggunaan bahasa dan fenomena-fenomena penggunaannya. Bahasa sasaran untuk kajian ini ialah bahasa Jawa. Lokasi kajian ialah di dua buah kampung, iaitu Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru, dalam Daerah Batu Pahat, di Negeri Johor Darul Takzim.

Idea utama terbitnya usaha untuk membuat kajian ini ialah daripada pemerhatian penyelidik akan penggunaan ungkapan memohon maaf. Ungkapan ini dianggap unik dan istimewa kerana ia dilakukan dengan penuh tertib dan bersopan serta dengan nada suara yang perlahan, tetapi hanya dapat dilihat ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri. Namun, nampaknya penggunaan ungkapan ini hanya dituturkan oleh golongan tertentu, iaitu daripada generasi lingkungan usia 60 tahun ke atas (GI).

Justeru, kajian yang bakal bercorak deskriptif dan berteraskan kajian etnolinguistik ini akan memperolehi data yang bersifat linguistik dan etnografi. Kaedah penyelidikan hulu (*upstream*) dan kaedah penyelidikan hiliran (*downstream*) yang digunakan dalam pengkajian bahasa Mah Meri oleh para penyelidik Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang telah dijalankan pada 2006 juga akan digunakan. Menurut William J. Samarin (1967), pengaplikasian kedua-dua kaedah ini diambil kerana keberkesanannya dalam

mendapatkan data yang sah sama ada untuk menyokong atau menolak sesuatu hipotesis. Sememangnya bidang linguistik pun memerlukan kerja lapangan.

Secara keseluruhannya, kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah melalui dua kaedah, iaitu kaedah penyelidikan lapangan hulu (*upstream research*) dan kaedah penyelidikan lapangan hiliran (*downstream research*). Melalui kaedah soal selidik, temu bual dan rakaman, data bagi kaedah penyelidikan hulu yang dikumpul akan sedikit berbeza berbanding dapatan yang diperolehi dalam kajian bahasa Mah Meri (2006) yang meliputi aspek fonologi, morfologi, sintaksis, golongan dan jenis kata serta konsep dan kepercayaan dalam etnolinguistik, manakala kaedah penyelidikan hilirannya pula mengumpul dan menganalisis data dari segi makrososiolinguistik dan mikrososiolinguistik sedangkan kajian ini hanya memungut data-data yang berkaitan dengan penggunaan:

- ungkapan memohon maaf bagi setiap generasi
- bahasa kiasan dan doa serta lafaz niat
- jenis-jenis ayat atau ujaran tertentu
- perbendaharaan kata yang terdiri daripada beberapa jenis golongan kata dan penggunaan istilah-istilah tertentu seperti dalam majlis sebelum dan selepas kelahiran, majlis kesyukuran dan doa selamat, majlis keramaian, dan yang menyentuh tentang sistem kepercayaan dan pantang larang.

Sementara itu, sasaran analisis data untuk kajian ini hanya menjurus kepada bentuk-bentuk tatatingkat bahasa Jawa yang digunakan seperti adakah terdapat penggunaan bentuk krama inggil (ki), bentuk krama (k), bentuk krama-ngoko (k, ng) dan bentuk ngoko (ng) serta

adakah terdapat penggunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu (m), bahasa Arab (Ar), Sanskrit (S), Kawi (Kw) dan Indonesia (Id) atau bahasa-bahasa lain. Penentuan dan pengenalpastian bentuk-bentuk bahasa ini adalah berdasarkan kamus dan buku-buku rujukan berkaitan bahasa Jawa. Berdasarkan penganalisan data, akan diteliti juga kebarangkalian berlakunya fenomena peralihan atau percampuran kod di kawasan kajian.

Korpus bahasa dalam penyelidikan ini merupakan data-data daripada empat perkara di atas yang diperolehi dari domain keluarga dan kawan. Kajian ini tidak memberi sasaran kepada korpus bahasa bertulis kerana umumnya bahasa Jawa di kawasan kajian hanya sebagai bahasa pertuturan harian yang diturunkan dari satu generasi kepada satu generasi melalui aktiviti berbahasa saban hari.

### **2.3 Kajian Etnografi**

Saville-Troike (1982), menyatakan bahawa etnografi adalah sebagai satu bidang kajian yang memberi tumpuan kepada kajian deskriptif dan analisis kebudayaan serta linguistik yang antara lainnya mendeskripsi dan menganalisis kod bahasa. Etnografi adalah kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi serta dirujuk sebagai penyelidikan saintifik semula jadi (Agar, 1986 dalam Sabitha Marican, 2005). Menurut Pole dan Morrison (2003), kajian etnografi merupakan cabang bidang antropologi berhubung dengan memberi gambaran secara khusus terhadap budaya manusia. Creswell (2005) menyatakan bahawa etnografi merupakan bentuk kajian yang praktikal sesuatu kumpulan atau bidang seperti pendidikan, kepercayaan, tingkah laku dan bahasa. Gay (2003) pula menyatakan bahawa etnografi merupakan kajian yang menghurai dan

menganalisis sesuatu atau sebahagian daripada kebudayaan serta komuniti dengan mengenal pasti dan menghurai kepercayaan serta amalan harian responden. Menurut Gay lagi, kajian etnografi juga perlu mengkaji kedua-dua kumpulan, iaitu responden dan tempat di mana mereka berinteraksi secara serentak.

Berdasarkan pengertian-pengertian yang diutarakan oleh para sarjana tersebut, secara ringkas dapat disimpulkan bahawa etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif yang digunakan untuk menerangkan, menganalisis dan menginterpretasi bentuk “culture-sharing” atau perkongsian budaya sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan (Creswell, 2005). Menurut Creswell lagi, untuk memahami “culture-sharing” seseorang pengkaji itu perlu meluangkan masa di lapangan untuk bertemu bual, memantau dan mendokumentasi bagi memahaminya.

Menurut Sabitha Marican (2005), antara tujuan kajian etnografi dijalankan ialah untuk memahami isu yang dikaji dari kaca mata sesuatu kumpulan atau budaya terbabit, untuk menambah pengetahuan mengenai sesuatu budaya atau mengenal pasti corak interaksi sosial sesebuah komuniti dan untuk membangunkan satu penafsiran yang menyeluruh terhadap sesuatu masyarakat atau institusi sosial. Sabitha Marican (2005) juga menyatakan beberapa ciri kajian etnografi yang secara ringkas antaranya ialah:

- (a) etnografi adalah pendekatan kajian jenis kualitatif, iaitu lebih berfokus untuk memahami fenomena sosial daripada perspektif penglibatan pengkaji dan responden dalam kajian (Gay & Airasian, 2003).

- (b) kajian dilakukan pada persekitaran semula jadinya atau di tapak kajian (Gay & Airasian, 2003).
- (c) kajian ini melibatkan interaksi intim dan bersemuka antara penyelidik dan responden (Gay & Airasian, 2003). Semasa proses mengumpul maklumat, penyelidik akan melibatkan diri secara langsung dalam kumpulan masyarakat yang dikaji, malah penyelidik itu sendiri merupakan instrumen kepada kajiannya (Massey, 1998).
- (d) kajian ini menggunakan pelbagai sumber data, iaitu termasuk data kualitatif dan data kuantitatif (Gay & Airasian, 2003). Menurut Massey (1998), data boleh dalam bentuk dokumen bertulis, nota catatan yang ditulis di lapangan oleh penyelidik (termasuk nota-nota berbentuk pemerhatian, bentuk-bentuk komunikasi seperti rakaman suara yang melibatkan perbincangan, temu bual dan kenyataan-kenyataan yang dinyatakan secara terbuka oleh responden), pita audio dan pita video. Data kuantitatif juga boleh disertakan seperti tinjauan ataupun dapatan percubaan.

Sebagaimana penerangan daripada para sarjana berkenaan kajian etnografi, Hymes (1962) bagaimanapun menyatakan bahawa linguistik dan antropologi telah mengabaikan satu bidang yang penting berkenaan komunikasi manusia kerana tidak mengambil kira etnografi komunikasi. Menurut Hymes, ahli linguistik lebih banyak memberikan perhatian kepada kegramatisan struktur ayat penutur sesuatu bahasa, manakala ahli antropologi pula melakukan kajian etnografi terhadap aspek budaya yang unik dan berlainan, sedangkan bahasa hanya dianggap satu wahana untuk mengkaji topik.

Justeru menurut Hymes (1974), pendekatan etnografi pertuturan atau komunikasi merupakan satu pendekatan sosiolinguistik yang bukan sahaja mengkaji bahasa dari aspek linguistik, malah nilai sosial dan budaya masyarakat penutur itu pun diambil kira. Malah, etnografi komunikasi merupakan data atau maklumat berkenaan proses menstruktur tingkah laku komunikasi dan peranannya dalam tingkah laku sosial (Saville-Troike, 1982). Dengan erti kata lain, etnografi komunikasi merupakan kajian berkenaan bahasa yang dituturkan dan tingkah laku penuturannya atau boleh juga disebut sebagai kajian berkenaan bahasa dan budaya penuturnya. Oleh kerana itu, kajian berkenaan bahasa harus selalu menempatkan kajian ini dalam hubungannya dengan kehidupan manusia (Harimurti Kridalaksana, 1998).

Hymes (1968) sebagai seorang ahli sosiolinguistik memperkenalkan suatu kerangka dimensi peristiwa komunikasi yang disebut *SPEAKING framework*.

- (1) **S** (*setting* dan *scene*) melihat latar di mana dan bila terjadinya peristiwa berbahasa
- (2) **P** (*participants*) siapa yang terlibat
- (3) **E** (*ends*) hasrat yang ingin dicapai oleh peserta
- (4) **A** (*acts sequence*) apa yang dikatakan dan dilakukan
- (5) **K** (*keys*) bagaimana nada emosi seperti serius, lembut dan sedih
- (6) **I** (*instrumentalities*) kaedah penyampaian seperti verbal atau bertulis dan kode (*codes*) yang digunakan seperti variasi dan cara pemakaian bahasa serta gaya pertuturan
- (7) **N** (*norms*) norma-norma interaksi dan interpretasi (misalnya mengapa seseorang harus berperilaku seperti ini atau itu)
- (8) **G** (*genres*) jenis peristiwa berbahasa.



Justeru, selepas penulisan Hymes (1962/1968, 1972a, 1972b, 1974) pendekatan etnografi komunikasi ini mendapat perhatian para sarjana secara serius. Saville-Troike (1982) menganggap bahawa Hymes sebagai pelopor bidang etnografi komunikasi ini. Menurut beliau, “... *most of all I am indebted to Dell Hymes, who is truly the father of the field.*” (Saville-Troike, 1982)

Sarjana lain yang turut menyumbang dalam bidang ini ialah Darnell, Regna, Sherzer, Gumpers, Bauman, Susan Ervin Tipps, Blount dan Slobin (Moorthy, 1996). Manakala antara contoh kajian etnografi yang dijalankan di Malaysia ialah kajian berkenaan Jawa di Balik Tabir (2001) dan bahasa Mah Meri (2006).


#### **2.4 Kaedah Penyelidikan Hulan dan Hiliran**

Asmah Haji Omar (2006) menjelaskan bahawa kaedah penyelidikan hulan adalah merangkumi aktiviti mengumpul data dan membuat huraian dan analisis bahasa yang dikaji. Menurut Asmah, kaedah penyelidikan hulan tidak lain daripada penyelidikan mengenai bahasa yang belum pernah dikenali atau yang belum pernah dikaji orang, dan yang paling penting ialah memberikan huraian bahasa berkenaan bidang linguistik am seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Tegasnya menurut Asmah, penyelidikan jenis ini membawa para penyelidik meneroka *the unknown*.

Menurut Asmah Haji Omar (2006), kaedah penyelidikan hiliran pula merupakan kajian yang merangkumi aktiviti mengumpul dan menganalisis data dari segi makrososiolinguistik dan mikrososiolinguistik. Dengan kata lain, kaedah penyelidikan hiliran ini lebih merupakan

kajian berkenaan aspek hubungan antara bahasa dan masyarakat yang antara lain menghuraikan adat resam, kepercayaan dan cerita rakyat komuniti yang dikaji.

Rajah 2.1 berikut menunjukkan aliran kaedah penyelidikan yang digunakan untuk penyelidikan ini.



(Sumber: <http://www.prnewswire.com/news-releases/hart-energy-expands-research-capabilities-across-upstream-midstream-downstream>)

### **Rajah 2.1 Aliran Kaedah Penyelidikan *Upstream, Midstream* dan *Downstream***

Bagaimanapun, berdasarkan kesesuaiannya, maka kaedah penyelidikan lapangan hulu dan hiliran (*upstream and downstream research*) sahaja yang akan digunakan untuk kerja pemungutan data dalam kajian ini. Tiga peringkat aliran kaedah penyelidikan yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1 di atas, sering dipraktikkan dalam bidang industri terutama industri berskala besar seperti industri carigali petroleum. Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan kaedah penyelidikan lapangan hulu (*upstream research*) ini hanya untuk kerja mengumpul data, menghurai dan menganalisis data dari segi morfologi, sintaksis, golongan dan jenis kata, serta sedikit berkenaan konsep dan kepercayaan dalam etnolinguistik.

Meskipun bahasa Jawa bukanlah satu bahasa yang asing atau tidak pernah didengar atau diketahui orang seperti bahasa Mah Meri, namun di Malaysia kajian secara mendalam dari

aspek bahasanya terutama yang melibatkan tatatingkat dan variasi bahasanya masih lagi belum mendapat tempat di hati mana-mana penyelidik. Penyelidikan yang telah dijalankan hanya dari aspek budaya dan masyarakatnya seperti yang dilaksanakan oleh Noriah Mohamed (1993 dan 2001).

Noriah Mohamed (2001) melalui kajiannya yang dijalankan di Kampung Batu Satu Sapintas yang terletak di Mukim Sabak Bernam di Utara Selangor memaparkan tentang Jawa dari perspektif bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan yang dikaitkan pula dengan kesusasteraan tempatan. Justeru, kajiannya menyentuh pelbagai aspek yang dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti bahasa kesusasteraan, wira dan tokoh, kesusasteraan Jawa dan kaitannya dengan pemikiran dan kehidupan masyarakat Jawa.

Berdasarkan kajiannya mengenai bahasa, Noriah Mohamed (2001) menyatakan bahawa, bentuk krama digunakan untuk berbicara kepada orang yang lebih tua dari segi umur dan kedudukan, sedangkan ngoko digunakan untuk orang yang sudah intim yang rendah kedudukan dan usianya. Di samping itu, kaedah penyelidikan hiliran (*downstream research*) pula akan diaplikasikan untuk menjalankan kerja-kerja mengumpul dan menganalisis data dari segi makrososiolinguistik dan mikrososiolinguistik. Justeru, melalui kajian ini penyelidik berusaha memaparkan penggunaan bahasa Jawa bentuk krama dalam kalangan masyarakat di kawasan kajian.

## **2.5 Konsep Kerangka Teori**

Konsep kerangka teori (*theoretical framework*) kajian ini dapat digambarkan melalui pendekatan yang dikemukakan dalam Model Fishman (1985) oleh Fishman dan “Theory of Accommodation” yang dibangun oleh Giles, Bourhis dan Taylor (1977). Walau bagaimanapun, pendekatan yang dibawa oleh kedua-dua teori ini bukanlah pendekatan mutlak yang digunakan atau seratus peratus dijadikan asas untuk melaksanakan kajian ini. Pendekatannya hanya akan diaplikasikan di mana-mana bahagian kajian yang bersesuaian dan perlu.

### **2.5.1 Model Fishman (1985)**

Model Fishman (1985) ini digunakan untuk kajian berkenaan pengekalan dan peralihan bahasa (*language maintenance and language shift (LMLS)*) khususnya dalam kajian yang merungkai fenomena peralihan bahasa dalam kalangan komuniti etnik yang kecil bilangannya atau kumpulan minoriti dan dalam kalangan pendatang.

Fishman atau nama sebenarnya Joshua Aaron Fishman dilahirkan pada 1926 di Philadelphia adalah seorang ahli linguistik Amerika dan merupakan Profesor Emeritus dalam bidang Sains Sosial di New York. Fokus kajiannya lebih bertumpu kepada bidang sosiolinguistik, kedwibahasaan dalam pendidikan, bahasa dan budaya penuturnya serta dalam aspek perancangan bahasa. Berdasarkan situasi ke arah peralihan bahasa yang meluas dalam kalangan generasi ketiga dan keempat, Fishman melalui kajiannya mendapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat empat proses yang boleh dijadikan rujukan punca berlakunya fenomena peralihan bahasa dalam kalangan penuturnya. Empat proses tersebut ialah:

- (a) peranan pihak berkuasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Fishman (1985:58) dalam Nambiar (2007), iaitu “... *a recurring obstacle faced by intrusive language are prohibition vis-à-vis their use in public or official or written functions or alternatively, requirements that previously established language be so used.*”
- (b) kecenderungan kumpulan minoriti menukar kod apabila berinteraksi dengan kumpulan komuniti yang besar bilangannya atau menggunakan bahasa yang dijadikan lingua franca oleh kebanyakan komuniti. Menurut Fishman (1985:60) proses seperti ini dianggap sebagai, “*inter-group social dependency*”. Fishman juga menyatakan bahawa “... *the minority community experiences language shift. Eventually the family unit in the minority community is directly effected. The members of the unit learn the majority language not outside the family context such as in school or at work but from within the family environment, i.e. from parents, siblings or older relatives.*”
- (c) proses ketiga berlakunya peralihan bahasa ialah sebagaimana yang diandaikan oleh Fishman (1985:62), iaitu “...*co-option of ‘relinguification’ and ‘recthnification’* yang bermaksud bahawa kumpulan pendatang bukan sahaja telah dapat membentuk kelompok komuniti mereka sendiri menjadi komuniti yang besar bilangannya, malah bahasa mereka juga digunakan secara meluas oleh kebanyakan komuniti. Hal ini ditegaskan oleh Holmes et al. (1993:2), iaitu “... *the warmth affection, solicitude and authenticity which are associated with the minority community ensure the process of shift language is all the faster and more effective in these cases.*”

(d) berlakunya kebarangkalian untuk bertindak balas (*reaction*) atau berlaku kelahiran semula (*rebirth*). Dalam situasi ini, terdapat dalam kalangan ahli kumpulan minoriti yang berasa terbeban dan kecewa dengan kehadiran banyak bahasa tanpa menerima sebarang ganjaran atau faedah daripadanya.

Pada keseluruhannya, Model Fishman (1985) ini memaparkan dengan jelas proses berlakunya peralihan bahasa melalui data-data yang diperolehi. Melalui kajian ke atas tiga etnik dari kumpulan pendatang yang berbeza, iaitu Tonga, Greek dan Cina di wilayah Wellington, New Zealand, mendapati bahawa dalam kalangan generasi pertama, kebolehan dan kecekapan berbahasa dalam bahasa ibunda mereka sangat tinggi. Namun, apabila keperluan sosial mereka semakin mendesak seperti peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik, kebolehan dan kecekapan berbahasa dalam bahasa ibunda mereka merosot. Situasi ini dirasai dalam kebanyakan majlis atau perayaan dan juga dalam majlis-majlis keagamaan. Malahan, kemerosotan ini amat ketara dan berlaku dengan begitu pantas dalam kalangan generasi ketiga.

### 2.5.2 *Theory of Accomodation (1977)*

*Theory of Accomodation* atau boleh juga disebut sebagai ‘teori penyesuaian’ ini dibangunkan oleh Giles, Bourhis dan Taylor. Pasukan penyelidik ini cuba mengkaji bahasa yang menjadi pilihan penutur dengan menggunakannya dalam jangka masa antara tiga hingga sepuluh tahun, yang akhirnya berlaku fenomena peralihan bahasa.

Menurut Giles (1973), ‘accomodation’ dijelaskan melalui ‘convergence’ (pertemuan) yang memungkinkan penutur akan memilih satu bahasa yang difahami dan dirasakan selesa oleh pendengarnya. Berdasarkan kajian ini, strategi yang digunakan oleh penutur semasa pertemuan (*convergent*) atau peralihan berbahasa (*divergent*) ini sedikit sebanyak bergantung kepada status pembicara atau penutur. Menurut Giles, Bourhis dan Taylor (1977), “... *it would depend on the status of the speaker, if he is a member of the dominant group, he would expect the subordinate group member to make the linguistic accomodations.*” Dalam hal ini, Fasold ada menerangkan bahawa,

“... *if the subordinate group sees no possibility of social change, then the only change for social improvment in the society beyond his own sociocultural group lies in the direction of acceptance by the dominant group. Acceptance, then, is to be gained by any possible expedient, including linguistic convergence.*”

(Fasold, 1984:190)

Menurut Nambiar (2007), “... *it is possible that members of the subordinate group, in the Malaysian context this could refer to the immgrant minority groups, who consider it possible and to make economic and social gains in the larger society, would fall back on convergent strategies.*” Mohamad, 1998 dalam Nambiar, 2007 pula menyatakan bahawa, “... *it must also*

*be noted that accomodation in terms of language choice need not only apply to inter-community communication. In communities undergoing shift such as the Javanese.”*

Justeru, walaupun fokus kajian ini hanya menumpu kepada penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan penuturnya, namun pada akhirnya berdasarkan analisis data yang terkumpul, penyelidik mendapati berlaku juga fenomena pergeseran dan kemerosotan penggunaan bahasa ini. Selain itu, penyelidik juga mendapati berlakunya fenomena percampuran kod yang mencerminkan ciri-ciri akan berlakunya fenomena peralihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Jawa itu sendiri. Berdasarkan fenomena-fenomena ini, maka kedua-dua teori di atas dipilih untuk dijadikan panduan melaksanakan kajian ini.

## **2.6 Asal Usul Bahasa Jawa**

Bahasa Jawa tergolong di bawah cabang keluarga Austronesia, iaitu daripada Keluarga Nusantara Barat (Kepulauan Melayu). Buku *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia* (DBP:49, 1998) mencatatkan bahawa dari segi geografi, secara mudah Austronesia merentasi pada kira-kira 130<sup>o</sup> garis bujur timur, satu garis yang lalu ke barat Pulau-pulau Caroline dan New Guinea. Kawasan barat mempunyai lebih kurang 300 bahasa, dengan jumlah penuturnya lebih 170 juta orang. Antara bahasa-bahasa ini, bahasa Jawa mempunyai tempat istimewa dalam banyak hal, dengan bilangan penutur yang terbesar (lebih 60 juta penduduk di bahagian Tengah dan Timur Jawa), tradisi penulisan paling lama (tulisan awal telah ada sejak abad ke-8M) dan merupakan satu daripada kesusasteraan utama Asia.



Sebagaimana bahasa-bahasa lain, bahasa Jawa juga mempunyai wilayah penuturnya sendiri. Menurut L. Mardiwarsito dan Harimurti Kridalaksana (1984), wilayah penuturnya meliputi Jawa Tengah, Jawa Timur, Banten dan beberapa daerah transmigrasi suku Jawa di luar Pulau Jawa dan terbahagi kepada beberapa dialek. Misalnya dialek Solo-Yogya yang merupakan dialek baku, dialek Banyumas, dialek Tegal, dialek Cirebon, dialek Jepara-Rembang dan dialek Surabaya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas dialek dari Wilayah Kabupaten Rembang, didapati wujud perbezaan dari segi sebutannya meskipun jarak di antara wilayah dialek tersebut tidak begitu jauh dengan wilayah bahasa baku di Daerah Yokyakarta Solo. Justeru, setelah diteliti ke atas semua dapatan, kajian ini juga telah menemui beberapa perbezaan terutama dari segi sebutan apabila dibandingkan dengan bahasa baku di Daerah Yokyakarta Solo. Penemuan ini akan dipaparkan dalam Bab 4 nanti.

Buku *Malaysia Kita* (2002) mencatatkan bahawa di Malaysia, bahasa Jawa mula bertapak di pesisir pantai barat Negeri Johor, iaitu di Daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar pada sekitar tahun 1850-an semasa proses penghijrahan yang pesat berlaku oleh penutur bahasa Jawa yang berasal dari Wilayah Jawa Timur dan Jawa Tengah dan sebilangannya pula berasal dari Tanjung Batu, Tanjung Pinang dan di sepanjang pesisir pantai Pulau Sumatera sehingga Palembang.

Berpandukan faktor sejarah, bahasa Jawa telah berkembang dengan berkembangnya karya kesusasteraannya yang ditulis menggunakan bahasa Jawa kuno, bahasa Jawa pertengahan

dan bahasa Jawa baru (Noriah Mohamed, 2001). Dengan erti kata lain, bahasa Jawa secara diakronik (*diachronic*) berkembang dari bahasa Jawa kuno. Bahasa Jawa kuno berkembang dari bahasa Jawa kuno purba. Bahasa Jawa atau disebut bahasa Jawa baru atau moden dituturkan oleh masyarakat Jawa sejak sekitar abad ke-16 hingga kini. Perkembangan bahasa Jawa baru ini menandakan beralihnya kebudayaan Hindu-Budha-Jawa kepada kebudayaan Islam-Jawa. Bahasa Jawa baru yang banyak mendapat pengaruh kosakata bahasa Arab (Ar), digunakan sebagai wahana baik lisan maupun bertulis (Wedhawati, 2006).

Merujuk buku-buku yang telah dijadikan teks di sekolah-sekolah dasar di Indonesia seperti buku *Buku Pinter Basa Jawa* (1992) dan *Sapala Basa Jawa* (2005), aksara Jawa terdiri daripada 20 jenis huruf yang disebut sebagai *hanacaraka* atau *carakan*. Aksara ini juga masih diajar di sekolah-sekolah di Pulau Jawa. Sebagaimana aksara di Asia Tenggara lainnya, aksara ini juga mengambil model daripada Aksara Pallava atau Vatteluttu. Menurut ahli epigrafi, tulisan Jawa berasal daripada suatu bentuk tulisan (Sanskrit) Dewa Nagari yang berasal dari India Selatan. Tulisan ini dikatakan terdapat pada prasasti dari Dinasti Palawa pada kurun ke-4 Masehi. Dengan itu, wajarlah tulisan Jawa ini diandaikan berasal daripada tulisan Palawa, namun telah mengalami pelbagai perubahan sehingga terbentuk seperti yang terdapat dewasa ini (Noriah Mohamed, 2001:21). Rajah 2.2 halaman 30 berikut menunjukkan huruf-huruf dasar dalam *hanacaraka* atau *carakan* ialah:

ꦲ ꦤ ꦕ ꦫ ꦏ ꦢ ꦠ ꦱ ꦮ ꦭ

ha na ca ra ka da ta sa wa la

ꦥ ꦢ ꦲ ꦗ ꦪ ꦚ ꦩ ꦁ ꦧ ꦠ ꦚ ꦁ

pa dha ja ya nya ma ga ba tha nga

(Sumber: G. Setyo Nugraha & M. Abi Tofani. *Buku Pinter Basa Jawa* untuk Kurikulum Berbasis Kompetensi dan Y. A. Yuwono, 2005 *Sapala Bahasa Jawa*. Surabaya: Penerbit KARTIKA)

### Rajah 2.2 Huruf-huruf dasar dalam *hanacaraka* atau *carakan*

Apabila diucapkan, susunan aksara tersebut dapat membentuk kalimat seperti berikut:

- *Hana Caraka* (Terdapat Pengawal);
- *Data Sawala* (Berbeza Pendapat);
- *Padha Jayanya* (Sama kuat/hebatnya);
- *Maga Bathanga* (Keduanya mati).

Berikut ialah tulisan bahasa Jawa yang membawa lambang bagi nombor 1 hingga 10:




(Sumber: G. Setyo Nugraha dan M. Abi Tofani. *Buku Pinter Basa Jawa* untuk Kurikulum Berbasis Kompetensi. Surabaya: Penerbit KARTIKA)

### Rajah 2.3 Nombor 1 hingga 10 dalam bahasa Jawa

Berdasarkan kajian, bahasa yang tersebar di Nusantara berasal daripada bahasa di Pulau Jawa, iaitu bahasa Jawa dan bahasa yang berasal dari Pulau Sumatera ialah bahasa Melayu. Namun, bahasa Jawa dan bahasa Melayu ialah induk kepada bahasa-bahasa serumpun di Nusantara (Crawford, 1992). Bagi mengukuhkan hujahnya, Crawford membangkitkan pula tentang bangsa Jawa dan bangsa Melayu yang telah memiliki taraf kebudayaan yang tinggi dalam abad kesembilan belas lagi dan sudah pasti taraf perkembangan ini melangkaui tempoh yang panjang. Justeru, Crawford (1992) membuat dua kesimpulan, iaitu pertama bahawa orang Melayu tidak berasal dari mana-mana wilayah pun dan merekalah sebenarnya induk atau ejen penting yang menjadi penyebar bahasa tuturan mereka ke wilayah lain yang mereka terokai atau kunjungi. Kedua, bahawa bahasa Jawa adalah bahasa yang tertua dan bahasa induk kepada bahasa-bahasa lain.

Sebenarnya ada kewajarannya apabila ditinjau dari sudut ilmu kajipurba yang memaparkan penemuan tengkorak berusia ratusan tahun yang terdapat di Nusantara (Crawford, 1992). Penemuan ini membuktikan manusia telah lama ada di wilayah ini. Antara pertemuan ini ialah *Pithecanthropus Mojokerta* (Jawa) berusia kira-kira 670 000 tahun, *Pithecanthropus Trinil* (Jawa) kira-kira 600 000 tahun, dan *Manusia Wajak* (Jawa) kira-kira 210 000 tahun. Berdasarkan rajah berikut, bahasa Jawa dan bahasa Melayu berada di bawah satu induk bersama bahasa lain seperti Malagasi, Aceh, Sunda, Dayak, Tagalog, Sibu, dan Visaya.



(Sumber: DBP 1994. *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: DBP)

#### Rajah 2.4 Rajah Pohon Rumpun Keluarga Bahasa Jawa

Pada umumnya, bahasa Jawa dan bahasa Melayu adalah dua bahasa yang berbeza, namun bangsa atau ajen yang menuturkan kedua-dua bahasa ini berasal dari satu rumpun yang sama. Dengan sebab itu, terdapat banyak perkataan yang digunakan dalam bahasa Jawa dan bahasa Melayu membawa maksud yang sama, malah penggunaannya juga dalam situasi yang sama. Contoh bagi perkataan *pamer* dan *gembleng*. *Pamer* atau *pamér* bermaksud [tunjuk] (menunjukkan) atau [tayang] (menayangkan). Perkataan *gembleng* atau *gembléng* pula bermaksud [menyatukan] atau [memperteguhkan] (tenaga, modal dan lain-lain).

Bahasa Jawa bentuk krama (k) merupakan sebahagian daripada cabang bahasa Jawa, malah di kebanyakan tempat, ia dituturkan oleh penutur daripada generasi yang sama. Noriah Mohamad (2001) dan Maryano Dwiraharjo (2001) memaparkan bahawa bahasa Jawa terdiri daripada beberapa tatatingkat bahasa atau jenisnya, iaitu bahasa Jawa bentuk krama (krama), bahasa Jawa madya (pertengahan) dan bahasa Jawa ngoko (basahan atau kasar). Contoh:

	<b>ngoko</b>	<b>madya</b>	<b>krama</b>	
(i)	<i>adhus</i>	<i>adhus</i>	<i>siram</i>	bermaksud: [mandi]
(ii)	<i>aku</i>	<i>kula</i>	<i>dalēm</i>	bermaksud: [saya]
(iii)	<i>cekel</i>	<i>cepeng</i>	<i>asta</i>	bermaksud: [pegang]
(iv)	<i>anak</i>	<i>yoga</i>	<i>putra</i>	bermaksud: [anak]
(v)	<i>endhas</i>	<i>sirah</i>	<i>mustaka</i>	bermaksud: [kepala]
(vi)	<i>mangan</i>	<i>nedha</i>	<i>dhahar</i>	bermaksud: [makan]
(vii)	<i>ngombé</i>	<i>nginum</i>	<i>ngunjuk</i>	bermaksud: [minum]

(Sumber: Wedhawati, 2006. *Tatabahasa Jawa Mutakhir*. Yogyakarta: Penerbit Kasinus dan G. Setyo Nugraha dan M. Abi Tofani. *Buku Pinter Basa Jawa, Kurikulum Berbasis Kompetensi*. Surabaya: Penerbit KARTIKA)

Geertz menyatakan bahwa:

“Bahasa Jawa melambangkan sistem etiket atau sopan santun bagi orang Jawa. Pada dasarnya, pola berbahasa orang Jawa mengikuti sumbu alus ‘halus’ sampai kasar, yang terlihat dalam tingkat berbahasa, yaitu krama, madya, ngoko.”

(Geertz, 1981:333 dalam Maryano Dwiraharjo, 2001:65)

Berdasarkan kenyataan Geertz (1981:333) tersebut, *mengikuti sumbu alus ‘halus’ sampai kasar* bermaksud penutur bahasa Jawa perlu tahu menggunakan bentuk bahasa Jawa tertentu berdasarkan tatatingkat yang bersesuaian untuk satu-satu perbualan itu, dan ini bergantung kepada siapa pesertanya, hubungan antara peserta tersebut dan di mana perbualan tersebut berlangsung. Dalam hal ini Fishman ada menyatakan bahwa:

“... a community is expected to be sensitive to the domain in which interactions take place. The language used in a domain depends on the participants or interlocutors their role relationships, the topics under discussion and the setting. For example, mother and her child (interlocutors) talking about domestic issues (topic) at home (setting) would constitute a family domain.”

(Fishman, 1972a:82)

Dalam bahasa Jawa, terdapat tatatingkat yang mempamerkan bentuk-bentuk atau variasi bahasanya. Bentuk krama (k) adalah bentuk yang tinggi atau halus, madya (m) pada peringkat pertengahan dan ngoko (ng) adalah bentuk yang paling rendah atau kasar. Namun, krama terbahagi kepada dua, iaitu krama (k) dan krama inggil (ki). Di antara keduanya, krama inggil (ki) adalah yang paling halus dan tertinggi kedudukannya dalam tatatingkat bahasa Jawa. Bentuk ini juga diistilahkan sebagai bentuk bahasa Jawa *kraton* yang bermaksud bahasa Jawa diraja. Dengan sebab itu, bentuk krama inggil (ki) akan digunakan apabila bercakap dengan orang yang lebih tua usianya, lebih tinggi kedudukannya dalam masyarakat atau yang kurang intim. Contohnya apabila bertutur dengan golongan priyayi, iaitu golongan elit bangsawan Jawa dan golongan pemerintah, maka bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) digunakan.

Di samping itu, Drs. Tan Ta Sen (1966) pula menjelaskan bahawa dalam bahasa Jawa terdapat dua dialek sosial yang terpenting, iaitu bahasa Jawa ngoko dan bahasa Jawa krama. Kalau diperinci lagi masih dapat dibahagikan menjadi ngoko lagu, ngoko alus, krama lagu, krama alus, krama alus banget, madya ngoko, dan madya kromo. Apabila bercakap dengan orang-orang yang lebih tinggi kedudukan atau pangkatnya, lebih tua umurnya atau orang yang belum dikenali harus dengan berbahasa kromo; sedangkan terhadap orang-orang bawahan, sebaya atau lebih muda umurnya baru boleh memakai bahasa ngoko. Misalnya:

<b>ngoko</b>	<b>krama</b>	<b>ertinya</b>
<i>digoleki</i>	<i>dipun upados</i>	dicari
<i>bapake</i>	<i>rumanipun</i>	bapanya

(Drs. Tan Ta Sen (November 1966:495 – 501) dalam Abdullah Hassan (1992)

## 2.7 Bahasa Jawa dan Tatatingkatnya

Bahasa Jawa terdiri daripada beberapa tatatingkat bahasa. Meskipun secara keseluruhannya terdapat lima tatatingkat, namun dapat juga dipaparkan sebanyak tujuh tatatingkat dalam bahasa Jawa (Maryano Dwiraharjo, 2001:38-39), iaitu:

- Bahasa Krama Inggil
- Bahasa Krama
- Bahasa Madya
- Bahasa Kadhaton
- Bahasa Desa
- Bahasa Ngoko
- Bahasa Kasar

Bagaimanapun menurut Soepomo Poedjosoedarmo (1973:13), pembahagian tatatingkat itu dianggap kurang tepat. Dasar pembahagiannya juga dikatakan berkait dengan hubungan penutur, daerah dan nilai rasa. Dengan sebab itu, tatatingkat tersebut boleh disimpulkan kepada tiga tatatingkat sahaja, iaitu:

- Basa Krama (Bahasa Krama)
- Basa Madya (Bahasa Madya)
- Basa Ngoko (Bahasa Ngoko)

Berdasarkan *linguistic etiquette* atau sopan santun berbahasa, terdapat perbezaan yang nyata di antara ketiga-tiga tatatingkat tersebut terutama dari segi sopan santun antara penuturnya. Basa krama (bahasa krama) berada di tingkat sopan santun yang tinggi (*high honorifics*) dan mencerminkan status sosial yang tinggi (*high status*). Basa madya (bahasa madya) dikategorikan sebagai *middle honorifics*, iaitu berada di tingkat sopan santun yang sedang dan mencerminkan status sosial pada peringkat pertengahan (*middle status*). Basa ngoko



(bahasa ngoko) pula berada di tingkat sopan santun yang dianggap rendah (*low honorifics*) dan mencerminkan status sosial yang rendah (*low status*) (Soepomo Poedjosoedarmo, 1973).

Menurut Geertz (1960), bentuk krama inggil (ki) adalah bentuk dalam tatatingkat bahasa Jawa yang tertinggi, diumpamakan sama seperti bahasa istana atau bahasa kraton (*high honorifics*), manakala bentuk ngoko (ng) adalah bentuk dalam tatatingkat bahasa Jawa yang paling bawah (*low honorifics*) yang disebut juga bahasa basahan atau bahasa pasar. Pendapat Geertz ini disokong oleh beberapa penyelidik lain seperti Joshua A. Fishman (1975), R. A. Hudson (1980), Soeseno Kartomihardja (1971) dan Ward Keeler (1984). Selain itu, adanya perbezaan tingkat sopan santun dalam tingkat tutur (tatatingkat bahasa), juga membezakan status sosial penuturnya (Maryono Dwiraharjo, 2001), iaitu bentuk krama (k) mencerminkan *high status* dan bentuk ngoko (ng) mencerminkan *low status*.

Sementara itu, kajian yang dibuat oleh Noriah Mohamed (2001:29-30) telah menggariskan bahasa Jawa ini kepada lima tatatingkat, iaitu;

- Bahasa Jawa Krama Inggil
- Bahasa Jawa Krama
- Bahasa Jawa Madya
- Bahasa Jawa Ngoko Andhap
- Bahasa Jawa Ngoko

Asmah Haji Omar (1992:39) pula menyatakan bahawa bahasa Jawa sendiri mempunyai empat tingkat variasi, iaitu *ngoko*, *madya*, *krama* dan *krama inggil*. *Krama inggil* ialah bahasa diraja, *krama* adalah bahasa halus, *madya* adalah bahasa pertengahan, sedangkan

*ngoko* pula bahasa yang intim. Menurut Asmah, orang Jawa peka kepada budayanya sendiri dan peka kepada penggunaan bahasa dalam konteks sosialnya. Dari itu dalam konteks bahasa mereka sendiri, mereka tidak akan menggunakan satu kata ganti nama diri yang am seperti “anda” kerana perbuatan yang seperti itu dianggap tidak sopan.

***Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa*** (2001) mencatatkan bahawa bahasa *ngoko* digunakan untuk berkomunikasi dengan orang yang sudah biasa dan yang dianggap sesama atau satu strata sosial. Adapun bahasa *krama* digunakan untuk berkomunikasi dengan orang yang belum biasa dan yang strata sosialnya lebih tinggi. Bahasa *ngoko* terbahagi kepada dua, iaitu bahasa *ngoko* biasa (disebut bahasa *ngoko*) dan bahasa *ngoko-alus* yang terdiri atas bahasa *ngoko* disertai kata-kata *krama inggil* untuk lebih menghormati orang yang diajak berkomunikasi atau orang yang dibicarakan. Kamus ini juga mencatatkan bahawa bahasa *krama* terbahagi kepada dua, iaitu *krama* biasa (disebut bahasa *krama*) dan *krama-alus* yang terdiri atas bahasa *krama* disertai kata-kata *krama-inggil* untuk lebih menghormati orang yang diajak berkomunikasi atau orang yang dibicarakan. Justeru, tatatingkat bahasa Jawa ini dapatlah digambarkan seperti skema berikut ini:

krama	{	krama alus
		krama
ngoko	{	ngoko alus
		ngoko

*Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2002) dan *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2008) pula dilihat lebih ideal membentangkan tatatingkat ini memandangkan adakalanya terdapat perkataan bahasa Jawa yang berada di dua tatatingkat yang berbeza dan ada pula yang hanya memiliki tiga atau dua tatatingkat. Berdasarkan kamus ini dan setelah merujuk *Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa* (2001) serta *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1980) Jilid I dan Jilid II, tatatingkat yang boleh diperlihatkan di sini adalah dalam lima variasi, iaitu:

Variasi I:

krama inggil (ki)  
↳ krama inggil-krama (ki, k)  
↳ krama (k)  
↳ krama-ngoko (k, ng)  
↳ ngoko (ng)

Tatatingkat ini boleh juga menjadi seperti berikut (Variasi II):

krama inggil (ki)  
↳ krama (k)  
↳ krama-ngoko (k, ng)  
↳ ngoko (ng)

Variasi III:

krama inggil (ki)  
↳ krama (k)  
↳ ngoko (ng)

Variasi IV:

krama (k)

↳ krama-ngoko (k, ng)

↳ ngoko (ng)

Variasi V:

krama (k)

↳ ngoko (ng)

Berikut ialah contoh-contoh berasaskan tatatingkat tersebut:

- (i) *kesuhun/kesuwun/nuwun mawon/matur nuwun* (ki)  
*nuwun mawon/matur nuwun/nedha nrima* (ki, k)  
*matur nuwun* (k)  
*nedha nrima/terima kasih* (k, ng)  
*terima kasih* (ng)  
Bermaksud: [terima kasih]
  
- (ii) *toya* (ki)  
*toya* (k)  
*banyu asrep* (k, ng)  
*banyu adhem* (ng)  
Bermaksud: [air]
  
- (iii) *nuwun inggih/sendika* (ki)  
*inggih* (k)  
*iya* (ng)  
Bermaksud: [ya]

(iv) *suweng* (k)  
*kosong* (k, ng)  
*suwung* (ng)  
Bermaksud: [kosong tanpa penghuni]

(v) *moyang/leluhur* (k)  
*buyut* (ng)  
Bermaksud: [moyang]

(vi) *mbajeng* (k)  
*mbarep* (ng)  
Bermaksud: [sulung]

Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, terdapat juga perkataan yang mempunyai satu bentuk sahaja seperti bentuk krama-ngoko (k, ng) atau bentuk ngoko (ng).

Contoh:

(i) *kakak* (k, ng)  
Bermaksud: [kakak]

(ii) *dulur* (k, ng)  
Bermaksud: [saudara] atau [saudara-mara]

(iii) *ketuwa* (ng)  
Bermaksud: [ketua]

(iv) *babon* (ng)  
Bermaksud: [ayam betina]

*Krama* atau *kromo* bermaksud bahasa Jawa yang memiliki nilai yang paling halus (hormat). Masyarakat di kawasan kajian mengistilahkan sebagai *tatakrama* atau *totokromo* yang bermaksud sesiapa sahaja yang dilihat mempunyai *totokromo*, maka individu tersebut dikatakan tergolong dalam kalangan orang yang memiliki keperibadian yang tinggi seperti memiliki sikap atau kelakuan yang bersopan, tahu menghormati orang lain terutama ibubapa, golongan tua dan golongan yang lebih tua daripadanya. Setiap tutur kata, bahkan tindak-tanduk dan tingkah laku serta pergerakan badan akan sentiasa memperlihatkan keperibadiannya yang mulia dan berkhemah (***Kamus Dewan***, 1986).

***Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*** (1995) pula menyatakan maksud yang sama, iaitu *tata* bermaksud peraturan, acara, kaedah, sistem atau susunan. Apabila digabungkan dengan perkataan *krama* menjadi *tatakrama*, maka ia membawa maksud adab sopan santun dan budi pekerti yang baik, tataadab atau basa-basi. Justeru, kamus ini mendefinisikan *tatakrama* sebagai basa-basi, tatasusila, adat sopan santun dan pekerti yang baik.

Dalam bahasa Malaysia, *tatakrama* ini adalah sinonim dengan perkataan tatasusila dan tataadab. Tatasusila bermaksud adat sopan santun dan budi pekerti yang baik, manakala tataadab bermaksud adap sopan santun, budi bahasa yang baik atau basa-basi (***Kamus Dewan***, 1986). ***Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*** (1995) pula memberi pengertian tataadab sebagai budi bahasa yang baik dan sopan santun, manakala tatasusila didefinisikan sebagai adat-istiadat yang baik, adap sopan santun, tingkah laku dan tutur kata yang baik. Ringkasnya, *tatakrama* bermaksud [beradab] atau [bersopan santun].

Menurut Noriah Mohamed (2001:260), contoh yang amat ketara ialah konsep faham hormat yang dikenali sebagai *tatakrama*. Penghormatan kepada orang tua amat dituntut dan ini sejajar dengan pandangan Melayu Islam. Menurutnya lagi, konsep ajaran Jawa adalah “Yang tua dituakan dan yang muda dimudakan”. Di sini membawa pengertian bahawa setiap individu dalam masyarakat mempunyai kedudukan yang sudah ditetapkan sebagai landasan untuk mencapai keharmonian dalam kehidupan.

Hadiwidjana (1967: 50-51) dalam Maryano Dwiraharjo (2001: 117) menyatakan bahawa bahasa *krama* ialah bahasa yang digunakan untuk percakapan dengan orang lain dalam pergaulan. Dalam hal ini, kata-kata *ngoko* diganti dengan kata-kata *krama*.

### **2.7.1 Bahasa Krama Inggil**

Bahasa krama inggil (ki) atau disifatkan juga sebagai bahasa Jawa yang paling halus dan memiliki ciri-ciri krama yang tertinggi dari segi kesopanan dan kesusilaannya, serta berada pada tahap tatatingkat bahasa Jawa yang teratas. Bahasa Jawa bentuk krama ini hanya digunakan oleh golongan priyayi agung (golongan bangsawan) yang juga diistilahkan sebagai bahasa kraton (bahasa istana) kerajaan Indonesia keturunan Jawa golongan bangsawan. Contohnya, mereka akan menggunakan kata ganti *kula* yang bermaksud [saya] atau [hamba] atau [aku] dan *panjenengan* atau *dalěm* yang bermaksud [tuan], [puan], [saudara], [saudari], [awak], [kamu], atau [anda]. Di Malaysia, bahasa ini diistilahkan sebagai bahasa diraja atau bahasa istana yang hanya dituturkan oleh golongan bangsawan (Asmah Haji Omar, 1985). Contohnya sultan atau raja akan menggunakan perkataan *beta* yang bermaksud [saya]. Rakyat biasa yang menghadiri majlis di istana juga perlu

menggunakan bahasa istana terutama apabila menggunakan kata ganti nama diri seperti *patik*, *pacal* atau *hamba* yang bermaksud [saya].

### **2.7.2 Bahasa Krama**

Bahasa Jawa bentuk krama (k) ialah bahasa Jawa yang menggunakan kata-kata halus untuk kata ganti nama orang, kata kerja, kata benda, kata keterangan dan sebagainya. Bahasa Jawa bentuk krama (k) ini berada pada tahap tatatingkat bahasa Jawa yang kedua selepas bentuk krama inggil (ki). Biasanya, bentuk krama ini digunakan oleh orang berpangkat atau oleh orang yang sama taraf, belum akrab, dengan hasrat ingin menunjukkan rasa hormat dan oleh yang muda sewaktu berbicara dengan golongan yang lebih tua.

### **2.7.3 Bahasa Jawa Madya**

Bahasa Jawa madya ialah bahasa Jawa bentuk krama (k) peringkat pertengahan yang terdiri daripada tiga tingkatan bahasa, iaitu:

- (a) *Madya Krama* – bahasa yang digunakan oleh isteri priyayi kepada suaminya. Dalam tingkat bahasa ini terdapat penggunaan kata-kata madya, krama dan krama inggil.
- (b) *Madya Ngoko* – dahulu bahasa ini digunakan oleh pedagang. Dalam tingkat bahasa ini terdapat penggunaan kata-kata ngoko dan krama.
- (c) *Madyantara* – bahasa yang digunakan oleh golongan priyayi dengan golongan saudaranya yang berpendapatan rendah.



#### **2.7.4 Bahasa Jawa Andhap**

Bahasa Jawa andhap ialah bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) yang diselang-selikan penggunaannya dengan beberapa kata bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) untuk kata ganti nama orang dan kata kerja. Bentuk ini digunakan oleh orang yang lebih tua dan berdarjat lebih tinggi.

#### **2.7.5 Bahasa Jawa Ngoko**

Di kawasan kajian, bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) lebih dikenali sebagai bahasa Jawa kasar atau bahasa Jawa basahan. Biasanya bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) ini digunakan dalam situasi tidak formal seperti dalam aktiviti komunikasi antara golongan yang seusia atau sebaya, akrab, golongan tua kepada golongan muda dan majikan kepada pembantunya.

Setiap kumpulan tatatingkat yang telah diutarakan di atas dikatakan mengandungi unsur diaglosia kerana mempunyai hubungan kekerabatan di antara satu sama lain. ***Kamus Linguistik***, 1997 mencatatkan bahawa diaglosia (*diaglossia*) bermaksud kehadiran dua kelainan bahasa baku, yang satu lebih tinggi statusnya berbanding dengan yang lain. Contohnya, bahasa Arab yang digunakan dalam suasana rasmi dengan kelainan yang tidak rasmi.

Bagaimanapun, hakikatnya, di kawasan kajian tidak ada sebarang perbezaan antara penuturnya, malah istilah *high status*, *middle status* atau *low status* tidak kedapatan atau tidak dipraktikkan. Diaglosia ini hanya wujud dalam pertuturan atau *basa-basi* masyarakat di kawasan kajian.

## 2.8 Fenomena Penggunaan Bahasa

Dewasa ini, penggunaan sesuatu bahasa pada umumnya mengalami pelbagai fenomena yang sebahagian besarnya berlaku akibat daripada sikap penuturnya. Antara fenomena penggunaan bahasa yang sering berlaku ialah peralihan, pengekalan dan percampuran kod. Secara ringkas, peralihan kod (*code switching*) bermaksud penuturnya beralih dari satu kod ke kod yang lain (Swito, 1985). Contohnya, apabila penutur Jawa krama cenderung beralih menggunakan bahasa Jawa ngoko atau penutur Jawa ngoko cenderung beralih menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan harian mereka. Hymes (dalam Suwito, 1996) mengemukakan bahawa alih kod ialah istilah umum untuk menyebut pergantian (peralihan) pemakaian dua bahasa atau lebih. Paul (1997) berpendapat bahawa alih kod pada hakikatnya adalah pergantian pemakaian bahasa atau dialek. Harimurti (2001) pula secara ringkas mendefinisikan alih kod sebagai penggunaan variasi bahasa lain untuk menyesuaikan diri dengan peranan atau situasi lain. Berdasarkan beberapa pendapat itu, dapat disimpulkan bahawa alih kod adalah peralihan kod yang menuntut penuturnya menggantikan kod yang dipakainya kepada kod yang lebih sesuai dengan situasi berbahasa tersebut.

Pengekalan bahasa bermaksud sesebuah komuniti atau masyarakat yang terdedah dengan bahasa asing sesuatu bahasa itu tidak semestinya akan mengalami peralihan bahasa (Holmes, 1992). Dengan lain perkataan, komuniti ini dikatakan akan terus dan tetap menggunakan bahasa asal mereka walaupun berada jauh di luar negara dan dikelilingi pula oleh pelbagai bahasa dan budaya asing. Percampuran kod pula bermaksud, penggunaan lebih dari satu bahasa atau kod dalam satu wacana menurut pola-pola yang belum jelas (Paul, 1997). Menurut Harimurti (2001), percampuran kod adalah penggunaan satuan bahasa dari satu ke

bahasa yang lain untuk memperluas gaya bahasa atau ragam bahasa. Manakala Suwito (1996) pula berpendapat bahawa percampuran kod merupakan pemakaian dua bahasa atau lebih dengan saling memasukkan unsur bahasa yang satu ke dalam bahasa yang lain secara berterusan. Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa percampuran kod ialah aktiviti berbahasa yang melibatkan dua bahasa atau lebih atau penggunaan ragam bahasa akibat daripada pemakaian dua bahasa atau lebih dalam satu aktiviti berbahasa secara berterusan tanpa sebarang tuntutan atau paksaan.

Berdasarkan kajian deskriptif tentang penggunaan bahasa Jawa menunjukkan bahawa sikap penutur asal, iaitu masyarakat Jawa di daerah tengah, Daerah Yogyakarta, Jawa Timur dan di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta Raya serta di daerah transmigrasi Lampung, Sumatera Selatan, telah tidak mempraktikkan *unggah-ungguh berbasa* dengan baik sejak awal abad kedua puluh lagi. Sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Jawa daripada golongan atasan pun beralih ke bahasa Melayu atau bahasa Belanda (Uhlenbeck, 1982:330). Generasi lingkungan usia 50-an dikatakan sudah tidak memperdulikan lagi *unggah-ungguh berbasa* ini, bahkan bentuk krama inggil juga sudah jarang digunakan (Kartoamidjojo, 1962).

Kini, bahasa Jawa di Malaysia juga telah mengalami beberapa fenomena dari segi penggunaannya. Menurut Noriah Mohamed (2009), fenomena ini berlaku disebabkan masyarakat Jawa yang ada kini hanyalah daripada generasi ketiga dan pastinya kekentalan warisan budaya Jawa sudah mulai meluntur. Menurut Noriah juga, kini masyarakat Jawa sudah tidak lagi berbahasa Jawa, malah sudah menggunakan bahasa Melayu setempat, dan sebilangannya pula sudah menggunakan bahasa Inggeris sewaktu berbahasa dengan rakan-

rakan. Pada umumnya, fenomena yang dialami bukan sahaja berkenaan dengan peralihan dan penyusutan, bahkan bahasa Jawa telah mengalami kemasukan daripada bahasa-bahasa lain, khususnya bahasa Melayu. Dalam hal ini, penggunaan bahasa baru dilihat telah menggantikan tempat atau mengalihkan kebiasaan penuturnya untuk terus menggunakan istilah dalam bahasa lama (bahasa Jawa). Hanya segelintir dalam kalangan generasi pertama (GI) yang masih menggunakannya. Contohnya, menurut Imam Masjid Al-Amin Kampung Parit Baru, Tuan Haji Bohari Selamat, penggunaan istilah-istilah dalam kalendar Jawa pada suatu masa dahulu amat dititikberatkan terutama apabila ibu bapa berbincang untuk menentukan tarikh pernikahan anaknya. Menurut beliau, tarikh dan hari pernikahan akan ditentukan berdasarkan beberapa kriteria mengikut kiraan kalendar Jawa ini.

#### **KALENDAR BULAN SURO (contoh)**

	MINGGU 1	MINGGU 2	MINGGU 3	MINGGU 4
	Jemuah Keliwon <i>Jumaat</i>	Jemuah Paing <i>Jumaat</i>	Jemuah Wagih <i>Jumaat</i>	Jemuah Pon <i>Jumaat</i>
	Setu Legi <i>Sabtu</i>	Setu Pon <i>Sabtu</i>	Setu Keliwon <i>Sabtu</i>	Setu Wagih <i>Sabtu</i>
	Akad Paing <i>Ahad</i>	Akad Wagih <i>Ahad</i>	Akad Legi <i>Ahad</i>	Akad Keliwon <i>Ahad</i>
	Senin Pon <i>Isnin</i>	Senin Keliwon <i>Isnin</i>	Senin Paing <i>Isnin</i>	Senin Legi <i>Isnin</i>
	Seloso Wagih <i>Selasa</i>	Seloso Legi <i>Selasa</i>	Seloso Keliwon <i>Selasa</i>	Seloso Paing <i>Selasa</i>
	Rebo Keliwon <i>Rabu</i>	Rebo Paing <i>Rabu</i>	Rebo Legi <i>Rabu</i>	Rebo Pon <i>Rabu</i>
	Kemis Legi <i>Khamis</i>	Kemis Pon <i>Khamis</i>	Kemis Paing <i>Khamis</i>	Kemis Wagih <i>Khamis</i>

**Sumber:** Percetakan Mohamadiyah, Parit Jawa, Muar, Johor Darul Takzim

#### **Rajah 2.5 Contoh bentuk kalendar Jawa dalam sebulan**

Bagaimanapun, kini cara pengiraan berasaskan kalendar tersebut seolah-olah telah dikesampingkan oleh sebilangan masyarakat Jawa terutama oleh GI generasi baru (GI yang baru pertama kali mengadakan majlis pernikahan anak mereka). Cara penetapan tarikh pernikahan lebih dipengaruhi oleh isu semasa seperti cuti persekolahan, cuti umum dan hujung minggu.

Situasi tersebut selari dengan apa yang dimaksudkan oleh Lieberman dalam Fasold (1984), yang menyatakan bahawa dasar yang menjadi ukuran apabila dikatakan berlakunya fenomena peralihan yang sebenar ialah jika komuniti bahasa menggunakan “bahasa baru” dalam domain-domain yang dahulunya dikhaskan untuk bahasa lama, maka itulah tandanya peralihan sedang berlaku. Dalam konteks ini, Fasold (1984), menyatakan bahawa peralihan bahasa bermaksud bahawa sesuatu masyarakat terus mengetepikan sesuatu bahasa kerana memilih bahasa lain. Pengekalan sesuatu bahasa pula akan memperlihatkan masyarakat penuturnya secara beramai-ramai terus menggunakan bahasa atau bahasa-bahasa yang memang digunakan sejak turun-temurun.

Begitu juga Hoffman (1991:186) menyatakan bahawa, “... *when a community does not maintain its language, but gradually adopts another one, we talk about language shift [while] language maintenance refers to a situation where members of a community try to keep the language(s) they have always used*”. Menurut Hoffman juga, sama ada peralihan atau pengekalan, kedua-dua fenomena ini boleh juga berlaku ke atas sosial, budaya, dan politik sesebuah komuniti akibat daripada peralihan penggunaan bahasa. Fenomena ini biasanya akan berlaku ke atas komuniti yang melakukan perpindahan atau migrasi.

Fenomena penggunaan bahasa ini bukan sahaja berlaku ke atas bahasa Jawa dan variasinya, tetapi juga berlaku ke atas bahasa-bahasa lain seperti bahasa Kristang di Melaka, bahasa Mariek di Miri, Sarawak dan bahasa Banjar serta bahasa Bugis di Johor. Malah, kajian berkenaan fenomena penggunaan bahasa yang mengkhusus kepada fenomena peralihan dan pengejalan penggunaan bahasa ini, telah banyak dijalankan ke atas bahasa-bahasa di dunia yang dianggap bakal mengalami sama ada perubahan atau kepupusan akibat daripada berlakunya migrasi oleh komunitinya. Antara bahasa yang pernah dikaji ialah bahasa Belanda (Kroef, 1977; Folmer, 1992), bahasa *Tonga* (Aipolo, 1989), bahasa Greek (Verivaki, 1990), bahasa Fiji-Hindi (Shameem, 1995), bahasa Cook Island Maori (Davis 1998) dan Gujarati dan Samoan (Roberts, 1999).

Berdasarkan kajian, satu daripada faktor penting berlakunya peralihan dan pengejalan bahasa itu ialah sikap penutur sesuatu bahasa itu sendiri terhadap bahasanya dan pandangan serta pendapat mereka akan bahasa baru (Gardner, 1985, Holmes and Harlow, 1991). Selain faktor migrasi, antara ciri yang sering disebut berhubung dengan peralihan bahasa termasuklah aktiviti perindustrian, bahasa di sekolah, pemandaran dan kedudukan sosial yang tinggi.

## **2.9 Adat Resam dan Penggunaan Istilah-istilah Tertentu dalam Bahasa Jawa**

Masyarakat di kampung kajian kaya dengan adat resam terutama yang berkaitan dengan kelahiran, kesyukuran dan perayaan. Pelbagai istilah tertentu dalam bahasa Jawa digunakan bagi tujuan tersebut.

### **2.9.1 Majlis Sebelum dan Selepas Kelahiran**

Adat resam yang berkaitan dengan kelahiran mempunyai beberapa istilah tertentu seperti:

- (a) *Tingkepan* (upacara lenggang perut khas bagi wanita yang mengandung anak sulung dan dijalankan ketika kandungan berusia tujuh bulan).
- (b) *Jagongan* (bertandang untuk melawat bayi dan ibunya, sama ada pada waktu siang atau malam (selepas solat Isyak), selama lima hari, iaitu sebelum hari *puputan*. Bacaan berzanji dan marhaban akan diadakan sepanjang tempoh lima malam *jagongan*).
- (c) *Puputan* (kenduri doa selamat dan sebagai penutup bacaan berzanji dan marhaban. *Puputan* dikenali juga sebagai *sepasaran*).
- (d) *Cukur Jambul* (upacara ini diadakan serentak dengan majlis kenduri *puputan*).
- (e) *Selapanan* (kenduri doa selamat selepas 40 hari kelahiran bayi. Selain juadah untuk kenduri, sejenis bubur yang dikenali sebagai *bubur abang* atau “bubur merah putih” juga disediakan dan dihidangkan kepada para tetamu).
- (f) *Metoni* (majlis hari lahir bayi yang ketujuh bulan).

### **2.9.2 Majlis Kenduri Kesyukuran dan Doa Selamat**

Masyarakat di kampung kajian mempunyai cara tersendiri apabila mereka ingin menyatakan kesyukuran, selain memanjatkan doa kesyukuran kepada Allah s.w.t. Dalam majlis ini *bubur abang* (bubuh merah putih) juga disediakan lalu diberi makan kepada anak-anak dan dihantar ke rumah-rumah jiran yang berdekatan.

Majlis kesyukuran ini disebut juga dalam kalangan masyarakat Jawa sebagai *slametan*. *Slametan* membawa pengertian suatu upacara jamuan makan sederhana yang dihadiri oleh semua tetangga. Dalam *slametan*, terungkap nilai-nilai kebersamaan, ketetanggaan dan kerukunan. Justeru itu, dalam kalangan masyarakat Jawa, *slametan* adalah satu kemestian untuk menyatakan rasa kesyukuran. Pada dasarnya, *slametan* mengandungi falsafah Jawa yang unggul sehingga unsur ini tidak dapat dipisahkan daripada lingkungan hidup manusia Jawa (Magnis, 1985 dalam Noriah Mohamed, 1993).

Selain *slametan*, masyarakat di kampung kajian juga mengadakan *bancaan* sebagai tanda syukur apabila anak-anak mereka sembuh daripada sakit atau telah terselamat daripada sesuatu musibah. Biasanya, selain menyediakan *bubur abang* (bubuh merah putih), kenduri doa selamat juga akan diadakan secara sederhana.

### **2.9.3 Selikuran dan Megengan**

*Selikuran* dan *Megengan* adalah istilah bagi kenduri yang dibuat dalam bulan Syaaban dan bulan Ramadan. Bagaimanapun, menurut Imam Masjid Al-Amin Kampung Parit Baru, Tuan Haji Bohari Bin Selamat, *selikuran* hanya merujuk kepada majlis kenduri yang



diadakan pada malam 21 Ramadan, iaitu kenduri bersempena menyambut bermulanya malam *Lailatulqadar*. **Kamus Dewan** (1986) ada mencatatkan bahawa *selikuran* adalah berasal daripada perkataan *selikur* yang digunakan dalam sastera lama bermaksud 21. Manakala *megengan* adalah merujuk kepada majlis kenduri yang diadakan bersempena menyambut ketibaan malam *tujuh likur*, iaitu pada malam ke-27 bulan Ramadan.

#### **2.9.4 Syawalan**

*Syawalan* adalah merujuk kepada sambutan hari raya pada hari ketujuh dalam bulan Syawal. Dengan kata lain, *syawalan* adalah hari raya bagi umat Islam yang telah selesai mengerjakan puasa sunat enam. Biasanya, pada hari berkenaan masyarakat di kampung kajian atau keluarga terbabit akan menyediakan juadah sebagaimana juadah ketika menyambut 1 Syawal seperti memasak ketupat, rendang, kuah kacang dan sayur lodeh atau apa juga juadah yang mereka gemari.

#### **2.9.5 Majlis Keramaian**

Masyarakat di kampung kajian akan sentiasa bersama-sama dan bergotong-royong menguruskan apa juga majlis keramaian yang diadakan di kampung mereka seperti majlis kenduri perkahwinan, majlis berkhatan atau lebih dikenali sebagai *sunatan* dan sebagainya kerana majlis keramaian seperti ini biasanya memerlukan masa dan tenaga yang banyak khususnya membuat persiapan sebelum majlis berlangsung. Justeru, pada malam sebelum majlis berlangsung mereka akan bersama-sama *le'-le'an*, iaitu bergotong-royong atau *réwang* untuk menyediakan apa juga keperluan sehingga larut malam. Biasanya pada malam *le'-le'an* itu wayang kulit dipersembahkan bagi memeriahkan suasana.

## 2.10 Sistem Kepercayaan dan Pantang Larang

Sebelum kemerdekaan 1957 dan pada sekitar akhir tahun 1960-an, masyarakat di kampung kajian dikatakan berpegang kepada fahaman animisme, walaupun mereka beragama Islam. Animisme bermaksud kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu, pokok dan sebagainya mempunyai semangat atau roh (Asmah Haji Omar, 2006). Antara kepercayaan dan pantang larang yang dapat di kenal pasti di kawasan kajian ialah:

- “Harimau Tempang”
- Semasa dan Selepas Kematian
- Selepas Kelahiran Bayi
- Semasa Pokok Berbuah
- Semasa Kedatangan Haid

### 2.10.1 “Harimau Tempang”

Menurut kepercayaan penduduk kampung, “Harimau Tempang” adalah “penjaga” kampung mereka. Pada masa itu mereka amat mempercayai akan hal ini lebih-lebih lagi kerana dahulunya kampung mereka merupakan sebuah kawasan hutan yang belum diteroka, maka sudah pasti mereka terdedah daripada ancaman binatang buas atau gangguan daripada makhluk halus.

“Harimau Tempang” atau disebut juga *danyangan* dikatakan akan muncul pada setiap bulan *Suro* iaitu bulan Muharam. Dengan sebab itu, satu upacara seumpama ‘semah’ perlu dibuat, kononnya atas permintaan “Harimau Tempang” tersebut bagi menjamin keselamatan penduduk kampung. Maka di satu lokasi, iaitu di simpang antara kedua-dua kampung, diadakan kenduri yang dikenali dengan *kenduri simpang*. Kenduri akan diadakan pada awal

pagi, sekitar pukul 8.00 pagi bersamaan dengan hari *Jumaat Keliwon* dalam bulan *Suro* (mengikut kalendar Jawa). Bulan *Suro* ialah bulan Muharam. Setiap wakil rumah akan membawa pulut, tempe goreng dan serunding.

Setelah pendidikan agama Islam jelas, sedikit demi sedikit kepercayaan masyarakat akan hal tersebut kian luntur.

### **2.10.2 Semasa dan Selepas Kematian**

Semasa berlaku kematian, kaum ibu akan memamah isi dan daun pokok bonglai serta jerangau lalu dipupuk atau dibubuh pada bahagian ubun-ubun kepala serta menyapu pada bahagian cuping telinga anak-anak mereka. Mereka percaya cara ini boleh mengelakkan anak-anak terutama bayi mereka daripada terkena sawan. Sehingga kini, cara ini masih dipraktikkan oleh sebilangan besar masyarakat di kampung kajian.

Apabila berlaku kematian yang jatuh pada hari-hari tertentu terutamanya hari *Jumaat Keliwon* atau *Selasa Keliwon* (mengikut kalendar Jawa), maka kubur si mati perlu ditunggu atau dijaga pada sebelah malamnya. Menurut kepercayaan, anggota tertentu pada badan si mati yang meninggal pada hari-hari berkenaan, amat mujarab untuk dijadikan sama ada sebagai tangkal atau syarat tertentu agar ilmu yang dituntut berkesan. Menurut sumber, pada zaman dahulu ramai masyarakat dikatakan menuntut pelbagai ilmu seperti ilmu kebatinan, ilmu kebal, ilmu ghaib dan sebagainya.

Jika si mati meninggal pada hari *Jumaat Keliwon*, kuburnya perlu dijaga pada sebelah malam selama tujuh malam berturut-turut, manakala jika meninggal pada hari *Selasa Keliwon*, maka kubur si mati perlu dijaga selama 40 malam. Biasanya kubur berkenaan akan dijaga secara bergilir-gilir, iaitu lebih kurang 10 orang bagi setiap malam. Mereka akan berjaga di dalam kemah dan beralaskan tikar serta diterangi dengan sebuah lampu gas yang disebut *lampu pom*.

### **2.10.3 Selepas Kelahiran Bayi**

Selepas kelahiran, biasanya bayi sering terdedah dengan sawan yang dipercayai akibat daripada gangguan makhluk halus. Bagi menghindari gangguan ini, bahagian hujung penyapu lidi perlu dicucukkan dengan beberapa biji bawang merah dan putih serta cili kering. Kemudian, penyapu tersebut diletakkan di bawah buai bayi. Mereka percaya bahawa cara ini akan dapat menghindari bayi daripada gangguan tersebut.

Jika bayi menangis tanpa henti pada waktu malam, dipercayai akibat gangguan daripada makhluk halus. Cara untuk menghalau makhluk halus tersebut ialah dengan membakar kulit bawang merah, kulit bawang putih dan cili kering, kemudian ditaburi dengan garam kasar.

### **2.10.4 Galak Pokok Berbuah**

Masyarakat dahulu percaya bahawa jika sesebatang pokok buah itu tidak berbuah sebagaimana yang sepatutnya, maka mereka akan menaburkan rojak yang diperolehi daripada upacara *lenggang perut* di pangkal pokok terbabit. Mereka percaya bahawa cara ini akan menggalakkan pokok tersebut berbuah.

Rojak yang dibuat khas bagi upacara *lenggang perut* ini biasanya diperbuat daripada campuran buah-buahan seperti nanas, timun, sengkuang, limau bali dan jambu air (diracik) serta dimasukkan sedikit belacan bakar, cili, gula (ditumbuk lumat) dan sedikit air sejuk.

#### **2.10.5 Semasa Kedatangan Haid**

Semasa kedatangan haid, perempuan terbabit dilarang duduk di atas daun, contohnya daun pisang kerana dipercayai darah haid perempuan berkenaan akan keluar dengan banyaknya tidak seperti yang sewajarnya. Mereka juga dilarang memetik atau memotong pokok saderi yang ditanam kerana dipercayai baki pokok berkenaan akan melecur dan seterusnya mati.

### **2.10 Kesimpulan**

Kajian yang berlandaskan tajuk penggunaan bahasa Jawa ini tidak lengkap jika tidak melalui dan menggunakan kaedah, pendekatan dan teknik tertentu untuk mengetahui fenomena yang berlaku ke atasnya. Melalui kajian etnolinguistik dan etnografi, asal usul dan ciri-cirinya juga dapat dikenal pasti dan diketahui berdasarkan sumber-sumber yang diiktiraf kesahihannya. Justeru, konsep kerangka kerja yang diaplikasikan sebagai kaedah bagi pengumpulan data yang digunakan ialah berpandukan kaedah penyelidikan huluan dan hiliran (*upstream and downstream research*), manakala pendekatan kajian ini adalah berpandukan dua teori, iaitu Model Fishman (1985) dan *Theory of Accommodation* (1977).